

# PM akan umum

## Pengerusi baru TNB

UM 1 DEC 2002

LANGKAWI 30 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mengumumkan pengganti Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh terdekat ini.

Menurut Perdana Menteri, walaupun calon baru untuk mengisi kerusi tersebut telah ada tetapi beliau belum bersedia untuk mengumumkannya.

“Calonnya telah ada dan dikenal pasti tetapi saya tidak boleh beritahu sekarang,” katanya kepada pemberita ketika melawat projek pelancongan kereta kabel Gunung Machinchang di sini, hari ini.

Dr. Jamaludin dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua dalam perubahan kecil kedudukan Kabinet, baru-baru ini. Jawatan itu diwujudkan buat pertama kali dalam Kabinet Dr. Mahathir pada 1998 apabila Datuk Mustapa Mohamed dilantik memegang jawatan itu.

Sementara itu, projek kereta kabel Gunung Machinchang yang ditinjau oleh Perdana Menteri hari ini, menghubungkan kompleks membeli-belah bersepadu Oriental Village dengan gunung setinggi 708 meter itu.

Projek kereta kabel bernilai RM46 juta itu mula dibuka kepada orang ramai sejak 1 November lalu.